

Sasar 70 peratus eksport akuakultur

PASIR GUDANG - Jabatan Perikanan Negeri Johor optimis menyumbang sehingga 70 peratus kepada jumlah eksport pasaran luar negara bagi produk akuakultur khususnya udang sehingga penghujung tahun ini.

Pengarahnya, Zamani Omar berkata, perkara itu berdasarkan peningkatan memberangsangkan hasil eksport dicapai tahun lalu iaitu sebanyak 6,374.99 tan metrik berbanding 5,986.18 tan tahun sebelumnya.

“Di Johor, kita sekarang ada satu kawasan yang besar iaitu berpusat di pantai timur yang kita tumpukan di Desaru, Kota Tinggi.

“Dengan adanya kerjasama daripada pemain industri, apabila ada bahan mentah banyak termasuk pembungkusan, pengilangan dan pada masa sama ada pemasaran, ia sekali gus mewujudkan peluang pekerjaan,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas mengadakan lawatan projek ternakan udang dan produk

hiliran udang oleh Syarikat Greater Asia Seafood Sdn Bhd di Jalan Keluli 7, Kawasan Perindustrian Pasir Gudang, di sini semalam.

Zamani berkata, usaha berkenaan juga diyakini mampu mencapai sasaran apabila kerajaan negeri turut memperuntukkan RM500,000 bagi penambahbaikan kolam membabitkan industri akuakultur.

Katanya, daripada kesemua jumlah dana diperuntukkan, 20 peratus daripadanya adalah khusus bagi pembangunan penternakan udang.

“Kita dimaklumkan Syarikat Greater Asia Seafood Sdn Bhd ini telah berjaya mengeksport produk akuakultur ke beberapa negara antaranya Australia, China, Jepun dan Eropah.

“Sebagai pengeksport tunggal udang harimau ke Australia, syarikat ini juga sentiasa memastikan dan mengekalkan kualiti produk mereka seiring piawaian ditetapkan Jabatan Perikanan Malaysia,” katanya.